

Amaran awal gelombang kedua

» *Jabatan Meteorologi minta penduduk patuhi arahan pindah*

Oleh Norliza Wasilan dan Betty Subaryati
bhnews@bharian.com.my

► **Kota Bharu**

Penduduk di kawasan rendah di negeri ini diminta mematuhi arahan berpindah berikutan ramalan hujan lebat yang boleh membawa gelombang banjir kedua mulai hari ini.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, Roslee Mamat, berkata ramalan Jabatan Meteorologi itu juga menyatakan banjir kali kedua mungkin lebih te-

ruk berbanding minggu lalu.

“Kawasan yang sering terjejas akibat banjir membabitkan Kuala Krai, Tumpat, Rantau Panjang, Pasir Mas berikutan lokasinya dekat dengan Sungai Kelantan dan Sungai Golok,” katanya selepas Majlis Mesra Pemimpin Bersama Ibu Tunggal dan Bapa Tunggal dari Pusat Daerah Mengundi (PDM) Tanjung Baru dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka, di Bilik Gerakan Barisan Nasional (BN) dan UMNO di Kampung Tanjung Baru, semalam.

Majlis dirasmikan Penye-laras Parlimen Pengkalan Chepa, Datuk Dali Husin yang juga Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa dan Penye-laras DUN Chempaka, Zarina Md Eusope.

Mengenai kerugian hasil pertanian petani, Roslee berkata, pihaknya tidak dapat menganggarkan jumlahnya, namun percaya ia mem-batkan jumlah besar.



Tindakan orang ramai menjadikan **banjir sebagai 'pesta air'** turut mengganggu lalu lintas di sekitar Rantau Panjang.

[FOTO JAUHARIATUL AKMAL JOHAR/BH]



OPEN UNIVERSITY
MALAYSIA